

Kesepaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia: antara Harapan dan Realiti

Riki Rahman^{1*}, Maifuza Abdul Malik², Nor Shela Saleh¹

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, MALAYSIA

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600, Bangi, Selangor MALAYSIA

*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.001>

Received 22 December 2022; Accepted 9 March 2023; Available online 10 July 2023

Abstrak: Pembentukan masyarakat majmuk dan hubungan kaum di Malaysia telah terjalin lama. Ia telah bermula sebelum kedatangan penjajah dan usaha ini masih diteruskan sehingga kini. Hubungan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni walaupun berbeza dari segi budaya dan agama merupakan elemen penting dalam pembentukan kesepaduan masyarakat di Malaysia. Kesepaduan dan keharmonian ini menjadi harapan masyarakat Malaysia bagi melihat dan memastikan komuniti dan negara berada dalam keadaan yang stabil. Walaubagaimanapun, usaha mengharmonikan masyarakat majmuk ini menghadapi cabaran yang agak besar dan jika dibiarkan berlarutan ia akan menyebabkan Malaysia kembali kepada zaman kelam sepertimana yang berlaku pada 13 Mei 1969. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan harapan masyarakat Malaysia terhadap kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk dan menawarkan kaedah bagi mengelakkan masyarakat daripada berpecah satu sama lain. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 101 orang responden. Soal selidik ini disebar secara rawak menerusi Google Form kepada rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Dapatan menunjukkan harapan rakyat Malaysia untuk melihat keadaan masyarakat pelbagai yang harmoni dan stabil adalah tinggi. Bagaimanapun, dari segi realitinya tahap kesepaduan masyarakat antara kaum di negara ini masih tidak sepertimana yang diharapkan, iaitu hanya 36.7% dan 20.4% yang menyatakan setuju dan sangat setuju bahawa tahap kesepaduan di Malaysia adalah tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bagi mempertingkatkan kesepaduan dalam masyarakat, kerajaan mesti mempergiatkan lagi usaha yang berterusan bagi mencapai matlamat kesepaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. Selain itu, setiap individu mestilah memperkukuh dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka.

Kata Kunci: Kesepaduan masyarakat, Keharmonian, Masyarakat majmuk, Kesejahteraan

1. Pengenalan

Kedudukan ekonomi di Tanah Melayu telah mengalami perubahan yang besar sejak kedatangan British. Keadaan dalam zaman penjajahan menunjukkan ketidakadilan dalam kedudukan ekonomi. Dasar pecah dan perintah British telah menyebabkan ada dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu berasa ketinggalan dan terpinggir dari arus kemajuan dan pembangunan. Dasar ini telah membahagikan penduduk Tanah Melayu berdasarkan fungsi mereka dari aspek ekonomi, dimana kesannya menyebabkan jurang ekonomi antara kaum semakin melebar. Situasi ini dapat dilihat dari segi penglibatan dan taraf hidup orang Melayu dalam bidang ekonomi di Tanah Melayu adalah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lain khususnya kaum Cina. Hal ini kerana British telah menggalakkan kemasukan imigran dari luar, khususnya China dan India yang terlibat secara aktif dalam bidang ekonomi, terutamanya di sektor perlombongan, perniagaan dan perdagangan, sedangkan orang Melayu dikekalkan dalam status ekonomi tradisional (Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan Safarudin, 2013). Perkara ini menyebabkan kesepaduan antara kaum di negara ini semakin renggang.

Kesepaduan sosial ialah ungkapan dan konsep yang digunakan oleh pakar akademik untuk menerangkan pengalaman Malaysia dalam aspek hubungan etnik sejak 13 Mei 1969. Perpaduan secara umumnya ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk indentiti nasional seperti satu bangsa dan satu bahasa. Mengambil kira konteks negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, agama dan budaya maka konsep perpaduan yang ditekankan ialah “perpaduan dalam kepelbagaian” (Kementerian Perpaduan Negara, 2021). Hal ini berlaku kerana berdasarkan sejarah, rakyat Malaysia telah menerima fakta bahawa masyarakatnya ialah masyarakat majmuk.

Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama akan menjadi cabaran kepada kebanyakan negara khususnya dalam mengurus kemajmukan sosial. Cabaran ini wujud terutama dalam aspek membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya sekali gus memerlukan pendekatan berhemah serta penuh rasa hormat. Sebagai negara moden yang melakar masa depan lebih dinamik dan berusaha memposisikan diri sebagai negara maju, cabaran berterusan dalam arus globalisasi dan pasca kemodenan menjadi realiti perlu ditangani sebaik mungkin. Ini termasuk ancaman pelbagai krisis berbentuk penindasan dari segi ekonomi, politik, dan sosial serta isu berkaitan pencabulan hak kemanusiaan.

Menurut mantan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo pada 26 Mei 2019 selepas Majlis Perasmian Sambutan Rumah Terbuka Vaisakhi Peringkat Kebangsaan di padang Merbok, berkata bahawa Rakyat Malaysia digesa supaya tidak leka dalam meneruskan usaha menjaga kepelbagaian budaya, agama dan bangsa, serta menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini (Berita Harian, 2019). Sekiranya tidak diatasi dengan baik dan berhemah, ia akan menjadi halangan kepada proses pembinaan keharmonian dan perpaduan rakyat. Malaysia dikenali bukan hanya makmur dari segi ekonomi dan pembangunan, malah menjadi negara beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya sekali gus dapat bersama dalam suasana aman serta harmoni. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauhmana harapan rakyat Malaysia untuk melihat negara ini bersepadu dan apakah realiti yang berlaku.

1. Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah bentuk kuantitatif. Kajian kuantitatif adalah kajian yang menggunakan data yang bersifat ‘kuantiti’ di mana data yang diperolehi mestilah boleh diukur. Bagi memperolehi data yang diperlukan, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (survey) dengan menyebarkan soal selidik menerusi platform Google Form. Seramai 101 orang responden yang terdiri daripada 52 lelaki (51.5%) dan 49 orang perempuan (48.5%) yang berusia antara 17 hingga 50 tahun ke atas terlibat dalam kajian ini. Latarbelakang responden adalah pelbagai dan mereka merupakan masyarakat awam yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan Bumiputra Sabah dan Sarawak.

Soal selidik ini diagihkan kepada responden untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka mengenai kesepaduan masyarakat majmuk di Malaysia. Borang soal selidik ini diagihkan melalui media sosial seperti What's App dan Telegram. Kesemua responden hanya perlu menekan pautan yang disediakan untuk menjawab soal selidik tersebut. Sebelum menjawab soalan soal selidik yg disediakan, para responden perlu mengisi butiran yang diperlukan seperti umur, jantina, kaum dan tempat tinggal mereka. Di dalam soalan soal selidik ini terdapat 3 bahagian iaitu bahagian A, demogرافي responden, bahagian B, harapan masyarakat terhadap kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk, bahagian C keadaan semasa kesepaduan sosial masyarakat majmuk di Malaysia. Pada bahagian B dan C menggunakan skala lima nilai yang mengandungi 5 aras iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 tidak pasti, 4 setuju dan 5 sangat setuju.

Kaedah tinjauan ini adalah sumber data primer yang digunakan dalam penulisan ini. Selain itu, penulisan ini juga menggunakan data sekunder sebagai pelengkap dan rujukan tambahan kepada data primer. Sumber data sekunder dikumpulkan melalui buku, keratan akhbar, jurnal dan sumber internet yang berautoriti. Data sekunder ini dikumpulkan sebanyak mungkin khususnya data yang relevan berkaitan dengan tajuk penulisan bagi menyempurnakan data kuantitatif sedia ada.

2. Perbincangan dan Analisis


Dalam mencapai objektif penulisan ini, data telah dikumpulkan menerusi kaedah soal selidik yang disebarkan kepada 101 orang responden dengan pelbagai latar belakang. Kandungan soalan dalam soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A yang mengandungi harapan masyarakat Malaysia bagi mewujudkan kesepaduan sosial dan Bahagian B mengenai reality yang berlaku dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Antara kandungan soalan A yang disediakan dalam soal selidik ini ialah masyarakat inginkan keharmonian antara kaum di Malaysia, masyarakat Malaysia mahukan kesamarataan antara kaum, keadilan sosial dijadikan asas kepada pembinaan bangsa Malaysia, sistem budaya berasaskan kepada kepelbagaian (*diversity*), Masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan bangga kepada tanah air dan yang terakhir Penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan dalam sektor swasta dan awam.

Adapun soalan Bahagian B pula ialah menggambarkan keadaan semasa kesepaduan sosial masyarakat Malaysia di mana soalan-soalannya terdiri daripada; masyarakat sudah mencapai tahap kesepaduan yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat sudah dapat diwujudkan, setiap orang bersedia untuk memberi pertolongan kepada orang yang berada dalam sebarang kecemasan atau masalah tanpa mengira kaum dan warna kulit, kesefahaman dan hubungan antara setiap kaum terus meningkat yang dapat mengelakkan sesuatu pergaduhan atau ketidaksefahaman, rakyat Malaysia mampu mengenali dengan baik kebudayaan dan tradisi kaum masing-masing.

3.1 Bahagian A

Bahagian ini akan membincangkan harapan masyarakat Malaysia yang majmuk dalam mewujudkan kesepaduan sosial antara kaum.

3.1.1 Masyarakat Ingin Keharmonian Antara Kaum di Malaysia



Graf 1: Masyarakat Inginkan Keharmonian Antara Kaum Di Malaysia

Berdasarkan graf di atas, tiada seorang pun responden yang menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan “masyarakat inginkan keharmonian antara kaum di Malaysia”. Manakala, terdapat 6 orang responden bersamaan 6.1% yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Walaubagaimanapun, seramai 20 orang responden dan 72 orang responden yang menjawab setuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka yang bersetuju dan sangat bersetuju dengan masyarakat inginkan keharmonian antara kaum di Malaysia berpendapat keamanan atau kesejahteraan negara lahir daripada masyarakat yang bersatu padu.


3.1.2 Masyarakat Malaysia Mahukan Kesamarataan Antara Kaum



Graf 2: Masyarakat Malaysia Mahukan Kesamarataan Antara Kaum

Berdasarkan graf di atas hanya seorang responden (1%) sangat tidak setuju, manakala 2 orang responden berpendapat tidak setuju terhadap masyarakat Malaysia mahukan kesamarataan antara kaum. Selain itu, seramai 10 orang responden berpendapat tidak pasti. Walaubagaimanapun, terdapat seramai 26 orang responden iaitu (26.5) berpendapat setuju terhadap pernyataan ini dan 59 orang lagi sangat setuju. Malaysia, sebagai sebuah negara yang dikenali kerana kemajmukan rakyatnya, mengambil pendekatan kesamarataan dalam menggubal sebarang dasar khususnya berkaitan rakyat perlu dibuat secara berhati-hati, bak kata pepatah "kalau nak menurut biar berakal, kalau mengikut biar pintar!" (Mohd Zaini Othman, 2020). Secara tuntasnya, rakyat amat setuju dengan masyarakat Malaysia mahukan kesamarataan antara kaum untuk mengelakkan berlakunya perselisihan antara kaum.


3.1.3 Keadilan Sosial Dijadikan Asas Kepada Pembinaan Bangsa Malaysia



Graf 3: Keadilan Sosial Dijadikan Asas Kepada Pembinaan Bangsa Malaysia

Graf 3 menunjukkan bahawa seramai 32 orang responden bersamaan dengan 33% telah setuju dengan pernyataan keadilan sosial dijadikan asas kepada pembinaan bangsa Malaysia. Seterusnya, 55 orang bersamaan 56.7% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini disebabkan rakyat Malaysia amat sedar bahawa negara tidak boleh maju jika ketidakadilan sosial masih wujud dalam konteks pembangunan dan kemajuan negara. Bagi ahli falsafah terkenal John Rawls, beliau mendefinisikan keadilan sosial dalam pengertian yang agak mudah iaitu “*Justice as Fairness*” (1985). Oleh yang demikian bagi mendapatkan keadilan sosial, maka seluruh rakyat Malaysia mesti sama-sama menikmati dan mengecapi pembangunan yang telah dicapai negara ini, ia bukan hanya dinikmati oleh segelintir elit sahaja.

3.1.4 Sistem Budaya Berasaskan kepada Kepelbagaian (Diversity)



Graf 4: Sistem Budaya Berasaskan kepada Kepelbagaian (Diversity)

Seramai 32 (32.7%) orang responden yang menandakan setuju dan 54 (55.1%) orang menandakan sangat setuju terhadap pernyataan di atas. Hal ini disebabkan kerana rakyat Malaysia telah menyedari bahawa kepelbagaian budaya jika tidak diurus dengan baik akan menimbulkan ketegangan dan konflik etnik serta sosial yang akan menjejaskan keharmonian dan keamanan negara. Menurut Abraham (1977), konflik hubungan etnik adalah disebabkan sistem penjajahan dan penaklukan itu sendiri yang telah mencorakkan masyarakat yang amat berbeza berbanding sebelum penaklukan berlaku.


3.1.5 Masyarakat Dapat Membentuk Satu Identiti dan Nilai Bersama Serta Memiliki Perasaan Cinta dan Bangga Kepada Tanah Air



Graf 5: Masyarakat Dapat Membentuk Satu Identiti Dan Nilai Bersama Serta Memiliki Perasaan Cinta Dan Bangga Kepada Tanah Air.

Berdasarkan graf histogram di atas, seramai 34 orang daripada 98 responden bersamaan dengan 34.7% setuju dengan pernyataan tersebut. 50 orang responden syang lain pula sangat setuju. Hal ini disebabkan ramai daripada mereka berfikir bahawa masyarakat yang pelbagai di Malaysia dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama bagi memupuk perasaan cinta dan bangga terhadap tanah air. Pandangan ini disokong oleh kenyataan Muhd Norizam Jamian, seorang pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, bahawa setiap rakyat harus saling mengenali antara satu sama lain dari sudut bahasa, agama dan budaya. Apakah perkara yang boleh dan tidak boleh, yang mana petua dan pantang larang bagi setiap etnik yang berbeza (Utusan Borneo, 2021).

3.1.6 Penggunaan Bahasa Melayu Dipertingkatkan dalam Sektor Swasta dan Awam




Graf 6: Penggunaan Bahasa Melayu Dipertingkatkan dalam Sektor Swasta dan Awam

Rajah di atas memantapkan maklumat tentang penggunaan Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan dalam sektor swasta dan awam. Terdapat 3 orang iaitu bersamaan dengan 3.1% daripada keseluruhan responden yang sangat tidak setuju manakala 2 orang lagi berpendapat tidak setuju terhadap keperluan mempertingkatkan Bahasa Melayu di sektor awam dan swasta. Sedangkan 15 orang responden atau 15.3% menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak boleh memilih sama ada benar atau salah tentang penggunaan Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan dalam kedua-dua sektor disebabkan kurang peka terhadap isu-isu semasa. Seterusnya, 26.5% dan 53.1% responden menyatakan perlu untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Melayu di kedua-dua sektor berkenaan. Dapatan ini disokong oleh kenyataan mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Datuk A. Aziz Deraman yang menyatakan bahawa penggunaan Bahasa Melayu dalam sektor awam, perundangan dan swasta merupakan usaha terbaik

memperkasakan bahasa kebangsaan ke arah pembinaan negara bangsa berdasarkan Gagasan 1Malaysia (MStar, 2011).

3.2 Bahagian B akan membincangkan mengenai keadaan semasa kesepaduan sosial masyarakat Malaysia.


3.2.1 Masyarakat Kini Sudah Mencapai Tahap Kesepaduan yang Lebih Tinggi Berbanding Tahun-Tahun Sebelumnya



Graf 7: Masyarakat kini sudah mencapai tahap kesepaduan yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya

Graf di atas jelas menunjukkan bahawa peratusan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju terhadap pernyataan tahap kesepaduan masyarakat Malaysia sekarang berada ditahap yang tinggi hanyalah 57.1% sahaja. Peratusan ini tidaklah tinggi, tidak pula rendah. Ia berada di tahap yang sederhana. Shamsul Amri Baharuddin mengatakan “Perpaduan yang dikatakan itu hanyalah sebuah harapan dan belum lagi satu pencapaian, perpaduan merupakan satu matlamat yang ingin dicapai bagi sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama seperti di Malaysia” (Astro Awani, 2013). Oleh itu, usaha dan strategi sama ada daripada kerajaan mahupun masyarakat itu sendiri perlu dipertingkatkan bagi mencapai impian kesepaduan yang tinggi dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Perpaduan juga terhasil apabila rakyat pelbagai etnik dan agama saling menghormati antara satu sama lain dan sentiasa berhati-hati dengan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum (Utusan Borneo, 2019).

3.2.2 Keharmonian dan Kesejahteraan dalam Hubungan Masyarakat Sudah Dapat Diwujudkan




Graf 8: Keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat sudah dapat diwujudkan

Berdasarkan graf di atas, majoriti masyarakat bersetuju keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat sudah dapat diwujudkan kerana setiap individu mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi seharian. Oleh itu, pengamalan nilai murni dan amalan budi bahasa bukan sahaja penting dalam masyarakat Melayu, malahan semua masyarakat sememangnya mengajarkan cara hidup yang baik. Tujuan mengamalkan

nilai murni dan cara hidup berbudi bahasa adalah untuk mewujudkan suasana aman, harmoni, kerjasama, hormat-menghormati, kasih sayang dan kesejahteraan. Hal ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bertamadun jika masyarakatnya terdiri daripada insan yang mengamalkan budaya murni dalam kehidupan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008). Adalah sia-sia jika masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan tapi muflis dari segi keperibadian. Sehubungan dengan itu, keharmonian dan kerjasama antara pelbagai kaum adalah kunci atau senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran supaya negara kita dapat mencapai matlamat yang ditetapkan (Berita Harian, 2019). Oleh itu, masyarakat Malaysia haruslah menerapkan sikap kerjasama untuk mencapai negara yang harmoni.


3.2.3 Setiap Orang Bersedia Untuk Memberi Pertolongan Kepada Orang yang Berada dalam Sebarang Kecemasan atau Masalah Tanpa Mengira Kaum dan Warna Kulit



Graf 9: Setiap orang bersedia untuk memberi pertolongan kepada orang yang berada dalam sebarang kecemasan atau masalah tanpa mengira kaum dan warna kulit

Graf di menunjukkan seramai 80% responden bersetuju dan sangat bersetuju untuk menolong orang lain yang ditimpa bencana atau dalam apa-apa keadaan susah meskipun berbeza ideologi, pegangan agama, warna kulit dan bahasa. Sikap masyarakat sebegini patut dipuji kerana ia akan memberikan impak yang sangat baik bagi masa depan negara. Apabila berlaku pandemik covid-19, semakin banyak muncul kelompok masyarakat yang perlu dibantu dan diambil perhatian. Ramai yang kehilangan punca pendapatan sejak tercetusnya pandemik ini, ada yang terpaksa mengharapkan bantuan dari kerajaan sepenuhnya, namun tidak semua dapat diutamakan. Dengan itu, datang bersama kekuatan sokongan dari kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menghulur tangan meringankan beban dan berganding bahu bersama kerajaan memastikan setiap lapisan masyarakat tidak tercicir dari mendapat bantuan. Bantuan ini diberikan kepada semua masyarakat yang terkesan tanpa mengira bangsa dan agama. Seperti yang dikatakan oleh Sathiabamah “Saya berharap dapat terus berkhidmat kepada masyarakat, biar apa warna kulit kita, itu tidak menjadikan kita berbeza, sebaliknya menjadikan kita saling memerlukan di saat semua sedang menderita akibat pandemik Covid-19” (Harakah daily, 2021).


3.2.4 Kesefahaman dan Hubungan Antara Setiap Kaum Terus Meningkat



Graf 10: Kesefahaman dan hubungan antara setiap kaum terus meningkat

Graf di atas menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kenyataan kesefahaman dan hubungan antara setiap kaum adalah meningkat. Kesefahaman yang tinggi dan hubungan yang erat dapat mengelakkan pergaduhan dan ketidaksefahaman antara kaum. Bagaimanapun, 17.5% responden menyatakan tidak pasti atas kenyataan di atas. Perkara ini barangkali disebabkan mereka masih menyaksikan sebilangan kecil pergaduhan yang melibatkan beberapa kaum. Pergaduhan yang dimaksud adalah pergaduhan kecil yang mungkin berlaku di tengah jalan, antara jiran, di kedai dan lain-lain. Untuk mengelakkan bergaduhan antara kaum di Malaysia, perpaduan haruslah ditingkatkan agar dapat menjalinkan hubungan yang sangat baik dalam masyarakat majmuk. Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pernah mengatakan “Perpaduan kaum menjadi antara faktor penting untuk Malaysia mencapai status negara maju selain kepesatan pembangunan dan ekonomi”. Beliau menambahkan “Kemajuan negara bukan diukur menerusi kepesatan pembangunan ekonomi sahaja tetapi keharmonian antara kaum dan agama harus sentiasa dipelihara... sekiranya tidak diberi perhatian ia akan menyebabkan negara menjadi mundur dan ketinggalan” (Sinar harian, 2019).

3.2.5 Rakyat Malaysia Mampu Mengenali dengan Baik Kebudayaan dan Tradisi Kaum Masing-Masing



Graf 11: Rakyat Malaysia mampu mengenali dengan baik kebudayaan dan tradisi kaum masing-masing

Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya yang pada asasnya hidup secara aman dan damai. Kepelbagaian ini satu keunikan yang harus dirai dan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Kepelbagaian budaya dan adat resam harus dihormati dan diharmonikan agar tidak luput ditelan zaman yang semakin canggih dan pesat ketika ini. Geraf di atas menunjukkan majoriti rakyat Malaysia sememangnya mengenali budaya dan tradisi kaum lain dengan baik. Tunku Azwil Tunku Abdul Razak, Pengerusi Majlis Penasihat Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) berkata, “budaya dan adat resam yang diwarisi sejak sekian lama itu harus disemai ke semua lapisan masyarakat dan

kaum di negara ini". Jelasnya, ia harus diterap khasnya kepada generasi muda yang merupakan bakal pemimpin negara satu hari nanti. Selain itu, beliau berkata "Rakyat juga perlu berbangga kerana negara mempunyai kepelbagaian budaya dan adat resam, baik dari kaum Melayu, India, Cina dan lain-lain" (Astro Awani, 2019).

3. Conclusion

Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama sememangnya menghadapi cabaran dalam mengurus kemajmukan sosial itu. Cabaran itu wujud terutamanya dalam aspek mewujudkan keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama dan budaya, sekali gus memerlukan pendekatan berhemah dan hormat-menghormati. Sebagai sebuah negara moden yang merancang masa depan yang lebih dinamik dan berusaha untuk meletakkan dirinya sebagai negara maju, cabaran berterusan dalam arus globalisasi dan pasca modeniti perlu ditangani sebaik mungkin. Ini termasuk ancaman pelbagai krisis dalam bentuk penindasan ekonomi, politik dan sosial serta isu berkaitan pencabulan hak asasi manusia. Jika tidak ditangani dengan baik dan berhemah, ia akan menjadi penghalang kepada proses pembinaan keharmonian dan perpaduan rakyat. Malaysia perlu dikenali bukan hanya makmur dari segi ekonomi dan pembangunan, malah menjadi negara beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya, sekali gus dapat bersama dalam suasana aman serta hamoni. Perpaduan nasional harus menjadi misi penting bagi negara. Ia memerlukan kerangka bersifat komprehensif yang akan mampu menterjemahkan sebaik mungkin wajah kerencaman masyarakat majmuk Malaysia. Keadilan, penerimaan dan toleransi perlu menjadi nilai asas kepada kerangka perpaduan nasional.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelajar UTHM khususnya pelajar yang terlibat dalam membantu penulisan dan pengumpulan data kajian ini.

Rujukan

- [1] Abraham, Colin E. R. (1977). *Race Relations in West Malaysia with Special Reference to Modern Political and Economic Development*. Tesis PhD. United Kingdom: Oxford University.
- [2] Astro Awani (2013). Dr Shamsul Amri: Perpaduan hanya harapan bukan pencapaian. Diakses di <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dr-shamsul-amri-perpaduan-hanya-harapan-bukan-pencapaian-25277>
- [3] Astro Awani (2019). Budaya dan adat resam tiang seri kemakmuran negara - Tunku Azwil. Diakses di <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budaya-dan-adat-resam-tiang-seri-kemakmuran-negara-tunku-azwil-197045>
- [4] Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan bin Safarudin (2013). Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional. *Jurnal Kinabalu*, 19, 77-93.
- [5] Berita Harian (2019). Jangan Ambil Mudah Soal Perpaduan Masyarakat Majmuk. Diakses di <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/7120/2198>
- [6] Berita Harian (2019). Bersama Bersatu Hati membina Malaysia Baharu. Diakses di <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/564059/bersama-bersatu-hati-membina-malaysia-baharu>

- [7] Harakah Daily (2021). Bantuan Tanpa Kira Warna Kulit – Sathiabamah. Diakses di <https://harakahdaily.net/index.php/2021/02/18/bantuan-tanpa-kira-warna-kulit-sathiabamah/>
- [8] Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2008). Maksud Nilai Murni dan Berbudi Bahasa. Diambil daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berbudi+pekerti&d=175768&>
- [9] Kementerian Perpaduan Negara (2021). Dasar Perpaduan negara “perpaduan dalam kepelbagaian”.https://www.perpaduan.gov.my/images/document/penerbitan/Dasar_Perpaduan_Negara-1.pdf
- [10] Mohd Zaini Othman (2020). Keadilan & Kesamarataan. Diakses di <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/08/607388/keadilan-kesamarataan>
- [11] Rawls, J. (1985). Justice as Fairness: Political not Metaphysical. *Philosophy and Public Affairs*, 14(Summer), 223-251
- [12] Sinar Harian (2019). Perpaduan kaum penting untuk jadi negara maju. diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/13339/BERITA/Nasional/Perpaduan-kaum-penting-untuk-jadi-negara-maju>
- [13] Utusan Borneo (2021). Aspirasi Keluarga Malaysia Tuntut Penyatuan Rakyat. Diakses di <https://www.utusanborneo.com.my/2021/12/08/aspirasi-keluarga-malaysia-tuntut-penyatuan-rakyat>
- [14] Utusan Borneo (2019). Hari Malaysia Kukuhkan Perpaduan. Diakses di <https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/16/hari-malaysia-kukuhkan-perpaduan>
- [15] MStar (2011). Penggunaan Bahasa Melayu di Sektor Awam Baik dalam Memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Diakses di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/10/14/penggunaan-bahasa-melayu-di-sektor-awam-baik-dalam-martabatkan-bahasa-kebangsaan>